

SOALAN LAZIM PICKids



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SOALAN LAZIM PICKids

01

BILAKAH PEMBERIAN VAKSIN COVID-19 COMIRNATY (PFIZER-BIONTECH) KEPADA KANAK-KANAK BERUMUR 5 HINGGA BAWAH 12 TAHUN BERMULA DAN DI MANAKAH IANYA DILAKSANAKAN?

Pemberian COVID-19 Comirnaty (Pfizer-BioNTech) kepada kanak-kanak berumur 5 hingga bawah 12 tahun telah bermula pada 3 Februari 2022. Ia dilaksanakan di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) yang telah dikenal pasti seperti hospital (bagi kanak-kanak yang mempunyai komorbid dan yang mempunyai daya ketahanan badan yang rendah), beberapa buah PPV Integrasi, PPV Offsite, PPV Hospital Swasta dan di sekolah.

- Bagi pemberian vaksin di sekolah, senarai nama kanak-kanak yang layak akan disediakan oleh pihak sekolah. Pemberian vaksin akan dilaksanakan di sekolah oleh pasukan kesihatan sekolah atau pengamal perubatan swasta. Tarikh janji temu akan dimaklumkan oleh pihak sekolah kepada ibubapa/penjaga.

02

APAKAH JENIS VAKSIN YANG AKAN DIBERIKAN KEPADA KANAK-KANAK?

Pada masa ini, hanya vaksin COVID-19 Comirnaty (Pfizer-BioNTech) yang diformulakan khusus untuk kanak-kanak sahaja diluluskan oleh Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD). Dos yang akan diberi adalah lebih rendah, iaitu sepertiga dos dewasa. Kanak-kanak akan menerima sebanyak 0.2 ml vaksin yang mengandungi 10 mcg dalam 1 dos.

Setiap kanak-kanak perlu menerima 2 dos primer vaksin COVID-19 Comirnaty (Pfizer-BioNTech) dengan sela masa 8 minggu di antara dos pertama dan dos kedua. Sebanyak 2 dos diperlukan bagi memastikan perlindungan yang optimum. Kanak-kanak dengan daya ketahanan badan yang rendah (*immunocompromise*) juga boleh diberi dos tambahan.



1

**Dikemaskini pada
09 Februari 2022**

SOALAN LAZIM PICKids

03

ADAKAH SEMUA KANAK-KANAK LAYAK UNTUK DIBERI VAKSIN COVID-19 COMIRNATY (PFIZER-BIONTECH)?

Kanak-kanak yang layak menerima vaksin COVID-19 Comirnaty (Pfizer-BioNTech) ialah kanak-kanak yang berumur 5 hingga bawah 12 tahun dan berada di:

- Institusi pendidikan dan institusi perlindungan
- Dalam kategori kumpulan rentan seperti kanak-kanak orang Asli, kanak-kanak OKU, gelandangan, pelarian UNHCR
- Bukan warganegara

Kanak-kanak dalam kategori berikut perlu mendapatkan penilaian pegawai perubatan / pakar sebelum vaksinasi:

- Mempunyai sejarah alahan yang teruk
- Mempunyai alahan yang teruk kepada vaksin lain sebelum ini
- Mengalami masalah pendarahan (bleeding disorder) seperti Haemophilia, Idiopathic Thrombocytopenic Purpura (ITP) dan sebagainya
- Sedang dalam rawatan ubatan pencair darah
- Sedang mendapat rawatan yang merendahkan sistem imun badan
- Telah menerima vaksin COVID-19 daripada jenama yang lain
- Sejarah penyakit myocarditis dan pericarditis

Kanak-kanak yang telah disahkan oleh pengamal perubatan mengalami keadaan berikut **TIDAK** layak menerima vaksin:

- Sejarah reaksi alahan teruk atau sejarah anafilaksis selepas menerima dos pertama vaksin COVID-19 Comirnaty (Pfizer-BioNTech)
- Reaksi alahan kepada mana-mana kandungan vaksin COVID-19 Comirnaty (Pfizer-BioNTech) selepas menerima suntikan vaksin. Individu yang mengalami reaksi ini setelah menerima dos pertama vaksin COVID-19 Comirnaty (Pfizer-BioNTech) tidak akan diberikan dos kedua
- Sejarah reaksi alahan teruk atau sejarah anafilaksis setelah mengambil sebarang ubat atau makanan atau kepada bahan yang tidak diketahui



2

Dikemaskini pada
09 Februari 2022

SOALAN LAZIM PICKids- JANJI TEMU

04

BAGAIMANA JANJI TEMU SECARA TEMPAHAN DIBERI?

Ketika ini, janji temu secara tempahan hanya dibuka kepada kanak-kanak yang telah didaftar sebagai tanggungan di dalam aplikasi MySejahtera dan tinggal di Lembah Klang serta tidak mempunyai komorbid. Pautan tempahan janji temu akan diberi secara berperingkat melalui notifikasi di aplikasi MySejahtera dan pesanan ringkas. Setelah menerima pautan, ibubapa/penjaga boleh memilih tarikh, masa dan pusat pemberian vaksinasi yang bersesuaian. Pastikan ibubapa/penjaga **HANYA** memilih jenis vaksin COVID-19 Comirnaty (Pfizer-BioNTech).

Langkah-langkah membuat janji temu seperti di pautan: <https://covid-19.moh.gov.my/vaksin-covid-19/pickids/semasa/2022/02/langkah-langkah-mendapatkan-janji-temu-vaksinasi-pickids-melalui-mysejahtera>.

05

BOLEHKAH IBU BAPA / PENJAGA MEMILIH TARIKH, MASA DAN TEMPAT PUSAT PEMBERIAN VAKSIN?

Buat masa ini hanya penduduk di Lembah Klang boleh membuat tempahan janji temu dengan memilih tarikh, masa dan tempat melalui sistem baharu yang diperkenalkan di dalam aplikasi MySejahtera.

06

SEKIRANYA TERDAPAT LEBIH DARIPADA SEORANG KANAK-KANAK YANG LAYAK MENERIMA VAKSIN DALAM SEBUAH KELUARGA, BOLEHKAH KESEMUA KANAK-KANAK LAIN YANG LAYAK TETAPI TIDAK MENERIMA JANJI TEMU UNTUK PERGI BERSAMA MENDAPATKAN VAKSIN COVID-19 COMIRNATY (PFIZER-BIONTECH) DI PPV PADA MASA YANG SAMA?

Ibu bapa / penjaga perlu menempah slot janji temu vaksinasi anak-anak mereka melalui aplikasi MySejahtera secara individu dan mematuhi slot janji temu yang telah ditetapkan.



SOALAN LAZIM PICKids- JANJI TEMU

07

BOLEHKAH IBU BAPA / PENJAGA DATANG SECARA WALK-IN KE MANA-MANA PPV?

Tidak. Tarikh, masa dan tempat pemberian vaksin akan diberi janji temu melalui MySejahtera dan sistem tempahan janji temu.

08

BOLEHKAH IBU BAPA MEMBAWA ANAK MEREKA KE MANA-MANA PPV MENGIKUT KESUKAAN Masing-Masing?

Tidak. Tarikh, masa dan tempat pemberian vaksin akan diberi janji temu melalui MySejahtera dan sistem tempahan janji temu.

09

BAGAIMANA DENGAN KANAK-KANAK YANG TELAH TERLEPAS TARIKH JANJI TEMU DI PPV?

Kanak-kanak yang terlepas tarikh janji temu atau tidak dapat hadir ke PPV atas faktor kesihatan atau atas sebab-sebab yang tidak boleh dielakkan, boleh membatalkan slot tempahan janji temu mereka yang terdahulu dan seterusnya menempah slot janji temu yang baru.

10

SIAPAKAH YANG AKAN MEMBERI KEBENARAN BERTULIS BAGI KANAK-KANAK?

Terdapat dua (2) pilihan:

- Ibu atau bapa yang sedang menjaga kanak-kanak boleh menandatangani Borang Persetujuan Suntikan vaksin COVID-19 Comirnaty (Pfizer-BioNTech) dan bawa kanak-kanak semasa hari vaksinasi.
- Sekiranya kanak-kanak tinggal dengan penjaga dan ibu atau bapa tidak dapat dihubungi, maka borang ini perlu ditandatangani oleh penjaga yang sah di sisi undang-undang.



SOALAN LAZIM PICKids- SEKOLAH

SELAIN SISTEM TEMPAHAN DI LEMBAH KLANG, PIHAK KESIHATAN NEGERI AKAN MELANCARKAN VAKSINASI KANAK-KANAK MELALUI SEKOLAH SECARA BERPERINGKAT.

11

BAGAIMANA JANJI TEMU AKAN DIBERI?

Janji temu serta sijil digital akan dapat dilihat melalui MySejahtera. Namun, segala urusan dan butiran untuk vaksinasi mengikut sekolah diberi melalui guru anda.

12

ADAKAH WAJIB UNTUK ANAK SAYA DISUNTIK?

Pemberian vaksin kepada kanak-kanak adalah secara sukarela akan diberi setelah ibu bapa / penjaga bersetuju dan menandatangani borang persetujuan. Janji temu boleh dibatalkan melalui MySejahtera sekiranya tidak setuju anak anda diberikan vaksin.

13

BILA GILIRAN SEKOLAH SAYA?

Pemberian vaksin COVID-19 Comirnaty (Pfizer-BioNTech) di sekolah akan dilaksanakan secara berperingkat sejajar dengan ketibaan stok vaksin di Malaysia.



**Dikemaskini pada
09 Februari 2022**

SOALAN LAZIM PICKids- PEMANTAUAN



14

APA YANG PERLU SAYA PANTAU SETELAH ANAK SAYA DI VAKSINASI?

- Pantau aktiviti anak anda dan sebarang kesan sampingan dalam tempoh 5 hingga 7 hari selepas vaksinasi.
- Kanak-kanak sememangnya aktif. Biarkan mereka menjalankan aktiviti harian seperti biasa. Pastikan anak anda tidak melakukan aktiviti yang lebih lasak daripada biasa selama seminggu selepas suntikan seperti jogging, berbasikal, berenang dan aktiviti fizikal disekolah atau bersukan.
- Pastikan anak anda rehat, makan dan minum secukupnya. Jika terdapat sebarang perubahan seperti kurang aktif, kurang makan dari biasa, sila bawa anak anda berjumpa doktor untuk diperiksa.



SOALAN LAZIM PICKids- KESAN ADVERS SUSULAN IMUNISASI

15

APAKAH KESAN SAMPINGAN YANG MUNGKIN DIALAMI SELEPAS MENERIMA SUNTIKAN VAKSIN COVID-19 COMIRNATY (PFIZER-BIONTECH)?

Kebanyakan kesan sampingan adalah ringan, bersifat sementara dan boleh sembuh dalam masa beberapa hari dengan atau tanpa memerlukan rawatan. Kesan sampingan yang perlu dilaporkan adalah seperti berikut:

Ringan	Sederhana	Teruk
<ul style="list-style-type: none">• Demam ringan• Sakit di tempat suntikan• Bengkak di tempat suntikan• Kemerahan di tempat suntikan• Penat (tiredness)• Merasa tidak sihat	<ul style="list-style-type: none">• Sakit kepala• Sakit otot• Menggigil• Sakit sendi• Loya• Pembengkakan• kelenjar limfa	<ul style="list-style-type: none">• Sakit dada• Kesukaran bernafas• Pembengkakan muka, bibir dan tekak• Denyutan jantung yang sangat cepat• Ruam teruk timbul di seluruh badan• Merasa pening dan lemah tubuh badan

Radang otot jantung (myocarditis) dan radang selaput jantung (perikarditis) adalah kesan sampingan selepas vaksin yang jarang berlaku. Sekiranya anak mengalami kesukaran bernafas, sakit dada dan degupan jantung yang laju, sila bawa anak segera ke failiti kesihatan berhampiran untuk mendapatkan rawatan segera.

Sila lapor sebarang kejadian kesan sampingan di aplikasi MySejahtera dan dapatkan rawatan segera di klinik kesihatan atau hospital berdekatan sekiranya gejala kesan sampingan berpanjangan atau semakin teruk.

SOALAN LAZIM PICKids- KESAN ADVERS SUSULAN IMUNISASI

16

APAKAH PERKARA YANG PERLU DILAKUKAN SELEPAS MENERIMA SUNTIKAN VAKSIN COVID-19 COMIRNATY (PFIZER-BIONTECH)?

Setelah menerima suntikan vaksin COVID-19 Comirnaty (Pfizer-BioNTech) , kanak-kanak perlu:

- Berada di ruang pemerhatian yang ditetapkan sekurang-kurangnya selama 15 minit.
- Ibu bapa / penjaga kepada kanak-kanak perlu memaklumkan kepada petugas kesihatan atau mendapatkan rawatan segera sekiranya mengalami tanda- tanda kesan sampingan yang teruk selepas menerima vaksin COVID-19 Comirnaty (Pfizer-BioNTech)
- Pastikan sentiasa mengamalkan norma baharu dan mengikuti langkah pencegahan penyakit COVID-19 di PPV.
- Ibu bapa / penjaga perlu menyimpan kad vaksinasi yang diberi oleh anggota kesihatan setelah menerima dos vaksin COVID-19 Comirnaty (Pfizer-BioNTech) .
- Ibu bapa / penjaga perlu memantau kanak-kanak agar tidak melakukan aktiviti lasak / berat selama sekurang-kurangnya 2 minggu (14 hari).

17

APAKAH YANG DILAKUKAN SEKIRANYA MENGALAMI KESAN SAMPINGAN SELEPAS SUNTIKAN?

Ibu bapa / penjaga perlu memantau keadaan kanak-kanak selepas divaksin. Sekiranya kanak-kanak mengalami kesan sampingan ringan seperti sakit di tempat suntikan, demam, sakit badan, ibubapa boleh memberi Paracetamol dos kanak-kanak yang memerlukan ubat untuk melegakan gejala dan pastikan kanak-kanak mendapat rehat yang cukup. Sekiranya kesan sampingan ringan ini berpanjangan, sila dapatkan rawatan di klinik berhampiran.

Sekiranya kanak-kanak mengalami kesan sampingan teruk, sila dapatkan rawatan segera dari klinik atau hospital berdekatan.



8

Dikemaskini pada
09 Februari 2022

SOALAN LAZIM **PICKids**- KESAN ADVERS SUSULAN IMUNISASI



18

BAGAIMANAKAH UNTUK MELAPORKAN KESAN SAMPINGAN ATAU KESAN ADVERS SUSULAN IMUNISASI (AEFI)?

Laporan AEFI boleh dibuat melalui tiga (3) cara:

- Laporkan melalui aplikasi MySejahtera atau
- Laporkan secara dalam talian di laman web rasmi Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA) atau
- Memaklumkan kepada anggota kesihatan yang merawat kesan sampingan. Anggota kesihatan boleh membantu anda membuat laporan AEFI kepada NPRA. Laporan AEFI yang dihantar dapat membantu dalam pemantauan kesan sampingan dan keselamatan vaksin yang ada di pasaran.



9

Dikemaskini pada
09 Februari 2022



DISEDIAKAN OLEH:



BAHAGIAN PEMBANGUNAN KESIHATAN KELUARGA

DITERBITKAN OLEH:



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

